

**PEJABAT  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.**

Bil. (6) dlm. PTG.TR. 13/33/1 Jld. 2

K. Terengganu: 8hb. April, 1982.  
Bersamaan: 14hb. J'Akhir, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 6/1982**

Pengambilan Dan Pengalihan Pasir Pantai.

Saya merujuk kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 3/1979 yang dikeluarkan kepada semua Pemungut Hasil Tanah Negeri ini yang bertarikh pada 6hb. November, 1979 mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa mulai daripada tarikh arahan ini dikeluarkan, semua Pemungut Hasil Tanah, Terengganu adalah ditegah mengeluarkan permit bagi mengambil dan mengalih pasir pantai.

2. Sekiranya sesuatu permit itu perlu dikeluarkan juga untuk kepentingan projek-projek pembangunan negeri ini, kebenaran hanyalah diberi untuk mengambil dan mengalih pasir dari dasar laut sahaja dan juga pasir sungai. Jika sekiranya pemohon permit itu bercadang hendak menggunakan alat-alat jentera atau mesin seperti pump besar maka pemohon itu hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Jawatankuasa Kemajuan Perusahaan dan Pelancongan Negeri untuk pertimbangan.
3. Walau bagaimanapun pengambilan dan pengalihan pasir pantai bagi kegunaan Tolak Bara (Stabiliser) seperti yang dikecualikan bayarannya dalam Peraturan 20, Peraturan Tanah Terengganu, 1966 itu tidaklah ditegah.
4. Oleh yang demikian Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 3/1979 itu dengan ini dibatalkan.

\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \*

( DATO' LELA JASA )  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.

s.k.  
Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
TERENGGANU.

Pengurus Besar,  
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri,  
Terengganu,  
KUALA TERENGGANU.

Pegawai Kemajuan Negeri,  
TERENGGANU.